

18/04/2002

Hukuman minimum sumbang mahram, rogol mungkin dimansuh

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Rabu - Kerajaan bercadang memansuhkan hukuman minimum penjara dan sebatan bagi kesalahan rogol dan sumbang mahram, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim.

Beliau berkata, pemansuhan itu akan membolehkan mahkamah menjatuhkan hukuman yang lebih berat sehingga ke had maksimum tanpa terikat dengan pilihan hukuman minimum.

Pada masa ini, kesalahan rogol boleh dikenakan hukuman penjara minimum lima tahun dan maksimum tidak melebihi 20 tahun serta sebat mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan, manakala Seksyen 376A memperuntukkan hukuman penjara minimum enam tahun dan tidak lebih 20 tahun serta minimum enam sebatan sehingga 24 sebatan bagi kes sumbang mahram.

Rais berkata, biasanya mahkamah tidak memberi penekanan kepada hukuman maksimum kerana hakim mempunyai pilihan menjatuhkan hukuman penjara di antara enam hingga 20 tahun mengikut Seksyen 376A.

"Jadi untuk mengatasinya, mungkin kerajaan memansuhkan hukuman minimum dan terus kepada hukuman maksimum. Ini mungkin agak kontroversi dan sebab itu saya akan mengadakan beberapa mesyuarat untuk menelitinya.

"Jika cadangan itu diterima, bermakna hakim mahkamah tiada mempunyai pilihan apabila menjatuhkan hukuman dan terus mengenakan hukuman maksimum bagi kedua-dua hukuman penjara dan sebatan," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Bagaimanapun, katanya, hukuman sebat itu juga bergantung kepada tahap kesihatan pesalah.

Dr Rais berkata semakan pindaan seksyen itu sedang dilakukan dan akan dikemukakan kepada Kabinet beberapa minggu lagi.

"Saya sudah mengadakan perbincangan dengan peguamcara negara mengenai cadangan pindaan itu berikutan arahan Kabinet sebelum ini supaya satu kajian dibuat bagi melaksanakan hukuman lebih berat terhadap pesalah kes rogol kanak-kanak dan sumbang mahram.

"Saya akan mengadakan beberapa mesyuarat lagi bagi tujuan meminda seksyen berkaitan supaya hakim boleh mengenakan hukuman maksimum kepada pesalah sumbang mahram dan rogol," katanya.

Mengenai saranan pelbagai pihak termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya pesalah sumbang mahram disebat di khalayak ramai, beliau berkata perkara itu juga akan dikaji.

"Ia memerlukan tinjauan lanjut kerana tindakan itu belum pernah dilakukan di negara ini," katanya.

Ahad lalu, Dr Mahathir berkata beliau bersetuju supaya hukuman lebih berat dilaksanakan terhadap pesalah kes sumbang mahram, kerana jenayah itu dianggap sebagai perbuatan yang amat keji.

Malah, Perdana Menteri berkata, beliau ingin melihat pesalah berkenaan disebat di khalayak ramai supaya dapat menimbulkan kesedaran dan keinsafan kepada masyarakat terhadap jenayah berat itu.

Kabinet sebelum ini mengarahkan supaya satu kajian dibuat bagi melaksanakan hukuman lebih berat terhadap pesalah kes rogol kanak-kanak dan sumbang mahram.

Ini berikutan cadangan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang menyatakan pesalah rogol kanak-kanak dan sumbang mahram dikenakan hukuman minimum yang lebih berat kerana jenayah itu tidak boleh dimaafkan serta tidak boleh dirayu supaya hukuman diringankan.

(END)

